

## **Ulasan Drama : Gadis Kretek (2023) : Analisis Berdasarkan Teori Di Bawah Sub-Disiplin Sosiologi**

Dania Arissa Muhamad Zaharin  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

### **PENGENALAN**

Gadis Kretek (2023) merupakan sebuah siri drama yang ditayangkan di saluran Netflix pada tahun 2023. Drama ini dapat dilihat dalam konteks industri rokok dan tembakau Indonesia yang rumit serta dikaitkan dengan sejarah negara. Drama ini telah diadaptasikan berdasarkan daripada karya buku penulis tempatan Indonesia, Ratih Kumala. Gadis Kretek (2023) menceritakan tentang bagaimana seorang anak lelaki pengeluar tembakau terkenal menjangkau semula masa kepada tahun 1960-an hingga awal 2000-an, dan berusaha untuk memenuhi hasrat terakhir bapanya dengan mencari seorang wanita yang menjadi sebahagian daripada sejarah hidup bapa beliau pada masa lalu.

Ulasan ini menyelidiki penyiasatan dari sudut akademik dengan menganalisis plot drama, watak, dan kesan masyarakat melalui prisma falsafah sosiologi. Pendekatan ini, yang berakar umbi dalam subbidang sosiologi, menyiasat interaksi sosial antara karakter di dalam drama tersebut antara satu sama lain, serta kebiasaan budaya dan masyarakat secara keseluruhan yang dinyatakan dalam drama. Untuk memberikan analisis yang bernas tentang bagaimana drama Gadis Kretek (2023) ini dapat mencerminkan dan mengulas tentang kerumitan tingkah laku manusia dalam konteks sosial, semakan yang dilakukan adalah menggunakan rangka kerja teori dalam usaha untuk mencungkil benang sosiologi asas yang dijalin ke dalam jalan cerita. Proses ini akhirnya menyumbang kepada pemahaman bernuansa tentang impak filem di luar bidang hiburan. Secara ringkas, ulasan drama ini meneroka pemerhatian dan pemikiran Gadis Kretek (2023) berkaitan sifat kompleks dan kerumitan tingkah laku manusia dalam keadaan sosial, dengan matlamat untuk mendedahkan tema sosiologi bernuansa yang dijalin sepanjang naratif yang disampaikan.

### **SINOPSIS RINGKAS DRAMA GADIS KRETEK (2023)**

Pada awal abad ke-21, Raja, seorang pengeluar rokok di Indonesia, yang sakit dan tenat, merayu anak lelakinya Lebas, untuk mencari semula cinta pertamanya yang telah hilang daripada hidup beliau dalam jangka masa yang lama, bernama Dasiyah, atau lebih dikenali sebagai Jeng Yah. Lebas memenuhi hasrat bapanya dan mula menyelidik serta mempelajari sejarah lama antara bapanya dan Dasiyah dengan menggunakan petunjuk yang dijumpai olehnya. Namun, Lebas mempelajari kisah rumit Raja dan Dasiyah dari tahun 1960-an, di mana pengaruh patriarki dalam industri tembakau, pergolakan negara angkara komunis dan taraf serta kedudukan sosial masyarakat ketika itu menjadi antara halangan utama kepada hubungan Raja dan Dasiyah sepanjang tempoh kisah percintaan mereka. Pasangan itu mengatasi kesukaran untuk menubuhkan jenama rokok yang dikenali sebagai Gadis Kretek. Namun, kisah ini diceritakan lagi selepas melalui beberapa siri kejadian tragik, yang melibatkan pemutusan

hubungan antara Raja dan Dasiyah, dan juga kematian serta pengkhianatan ke atas keluarga Dasiyah. Cerita ini terus berkembang dalam beberapa dekad, dan telah menampilkan pelbagai sifat pakatan hubungan seperti Dasiyah dan Seno, dan juga pertemuan antara Lebas dan Arum, yang merupakan anak kandung Dasiyah bersama Seno, yang kemudian memuncak kepada kesimpulan yang mengharukan dan mendedahkan latar belakang sebenar Gadis Kretek. Naratif drama ini akhirnya disimpulkan dengan Lebas mendedahkan legasi Gadis Kretek bersama Arum, sambil menghadapi peristiwa sejarah Indonesia terdahulu, dan kejayaan Lebas dalam memenuhi hasrat bapanya serta Arum mempelajari kisah hidup ibundanya.

## TEORI SOSIOLOGI

Sebelum mendalami sebarang penyelidikan atau analisis, adalah penting kepada penyelidik untuk memahami intipati sebenar apa yang diwakili oleh sesuatu teori. Menurut Ocford English Dictironary (OED), teori merangkumi andaian atau satu set idea yang direka untuk menjelaskan fenomena tertentu. Stewart, Jim & Harte, Victoria & Sambrook, Sally (2011) menghuraikan bahawa teori berusaha untuk menjelaskan fenomena yang diperhatikan melalui pendekatan sistematik yang membenarkan ujian dan penghalusan. Sutton dan Staw (1995) menggariskan bahawa teori bukan sekadar kompilasi rujukan, data, pembolehubah, rajah atau ramalan. Walaupun unsur-unsur ini mungkin menyumbang kepada pembangunan teori atau dapat digunakan sebagai kaedah untuk memperoleh hasil, namun ia tidak membentuk satu teori sahaja.

Zerihun (2005) menyatakan bahawa ahli sains sosial pertama yang menggunakan istilah sosiologi ialah seorang ahli sosiologi Perancis bernama Auguste Comte (1798-1857). Seperti yang dicipta oleh Comte, istilah sosiologi adalah gabungan dua perkataan. Bahagian pertama istilah ini ialah bahasa Latin, *socius*, yang bermaksud masyarakat, persatuan, kebersamaan atau persahabatan. Perkataan lain, *logos*, berasal dari bahasa Yunani. Takrifan mudah di sini ialah sosiologi memfokuskan kepada kajian antara masyarakat dan budaya. Walau bagaimanapun, istilah tersebut secara amnya difahami sebagai kajian atau sains (Indrani, 1998). Oleh itu, takrifan etimologi bagi sosiologi adalah bahawa ia adalah sesuatu perkataan atau perbincangan tentang masyarakat. Flourish (2014) menyatakan bahawa sosiologi adalah salah satu daripada sejumlah bidang di bawah sains sosial yang berusaha untuk menghuraikan, memberi butiran dan memahami perbuatan manusia dalam masyarakat. Berbeza dengan beberapa sains sosial, ia tidak tertakluk kepada satu bidang kehidupan tertentu. Sosiologi mengkaji secara umum berkenaan perkembangan manusia, dari zaman kuno sehingga zaman teknologi, serta mengenalpasti bagaimana manusia berkomunikasi dan membentuk masyarakat. sosiologi boleh ditakrifkan sebagai kajian yang sistematik dan objektif tentang sosial manusia kehidupan, kumpulan dan masyarakat.

Madhusudan (2007) menyatakan bahawa secara umumnya, disiplin sosiologi menggambarkan corak, masalah dan prospek hubungan manusia dan proses yang membawa kepada kewujudan hubungan tersebut. Dalam erti kata lain, ahli sosiologi mengkaji faktor atau sebab di sebalik tingkah laku manusia, akibat atau kesan daripada corak tingkah laku tersebut terhadap pelbagai aspek masyarakat, dan potensi untuk mewujudkan dan mengamalkan gaya hidup baharu pada masa akan datang. Teori di dalam bidang sosiologi pula fokus terhadap menganalisis,

memerhati dan mengkaji organisasi serta kumpulan manusia. Pemerhatian terhadap pelbagai aspek kewujudan sosial manusia dapat meluaskan bidang kuasanya melangkaui disiplin lain. Sosiologi menyiasat budaya, yang merupakan corak besar pengeluaran material dan simbolik yang membentuk kewujudan manusia. Pemahaman secara kritikal berkaitan bagaimana pelbagai budaya dan kumpulan sosial mengatur dan mentafsir persekitaran mereka dapat dipupuk melalui bidang sosiologi. Tingkah laku manusia, dinamik sosial, dan struktur masyarakat semuanya dapat dikaji dalam bidang tersebut. Ahli sosiologi mendekati persoalan berkaitan kemanusiaan dari sudut perspektif dan ilmiah yang berbeza. Namun begitu, mereka mempunyai minat dan pemahaman yang sama untuk mengenalpasti bagaimana masyarakat berevolusi, sehingga dapat distrukturkan dan apa yang mendorong tingkah laku mereka untuk menjadi sebuah komuniti yang pelbagai sehingga kini.

### **PENGARUH MEDIA DALAM SOCIOLOGICAL CRITICAL THINKING**

Scriven dan Paul (1987) menyatakan bahawa pemikiran secara kritikal adalah proses disiplin intelektual secara aktif dan berkemahiran mengkonseptualisasikan, mengaplikasi, menganalisis, mensintesis, dan/atau menilai maklumat yang dikumpul daripada, atau dihasilkan oleh, pemerhatian, pengalaman, refleksi, penaakulan, atau komunikasi, sebagai panduan kepada kepercayaan dan tindakan. Secara ringkas, perkara ini merujuk kepada keupayaan seseorang untuk memeriksa dan menilai maklumat, merangkumi sikap, nilai, watak, dan intipati keseluruhan bagi sesuatu perkara. Filem atau drama pada masa kini menjadi salah satu komponen penting dalam budaya, terutamanya dari segi hiburan (pop culture). Ia bukan sahaja memberikan penonton pengalaman secara visual dan audio, tetapi ia juga melibatkan emosi penonton dan memberikan pandangan baharu daripada sudut perspektif yang pelbagai, berdasarkan persekitaran yang dinyatakan dalam sesebuah filem atau drama tersebut. Filem mempunyai kuasa untuk membentuk pendapat masyarakat dalam pelbagai cara. Seperti yang dikatakan, penglibatan emosi yang timbu akibat kuasa penceritaan filem atau drama, dapat membantu penonton mengaitkan hubungan di antara watak dan situasi mereka. Filem memaparkan pelbagai keadaan dan isu masyarakat, dan hubungan emosi ini mempunyai kuasa untuk mempengaruhi pendapat orang ramai berkenaan pelbagai isu. Selain daripada itu, filem atau drama juga mendedahkan penonton kepada idea dan amalan yang berbeza, dengan mempersembahkan pelbagai sudut pandangan, tingkah laku dan situasi sesebuah budaya. Pendedahan ini berpotensi untuk meluaskan pemahaman seseorang individu mengenai dunia dan mempersoalkan pengetahuan mereka yang sedia ada, dengan memupuk minda yang lebih terbuka. Filem atau drama juga mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pandangan orang ramai dengan mencetuskan emosi dan memberikan ulasan masyarakat daripada pelbagai sudut persepsi dan pandangan yang lain.

Dari perspektif sosiologi, pemikiran secara kritikal memerlukan penggunaan pemikiran masyarakat perseptif dan analitikal untuk mencabar dan menganalisis struktur, norma dan fenomena yang telah ditetapkan. Ia mampu menilai data, idea, dan sudut pandangan yang berbeza sambil mempertimbangkan kesan dan konteks sosial. Grauerholz dan Bouma-Holtrop (2003) menyatakan bahawa pemikiran sosiologi secara kritikal merujuk kepada keupayaan untuk menilai secara logik dan munasabah sesuatu hujah atau masalah sambil mengekalkan kesedaran dan kepekaan terhadap kuasa dan konteks sosial. Sutherland dan Feltey dalam karya mereka *Cinematic Sociology* (2013) menganjurkan pendekatan alternatif kepada analisis,

merangkumi dari sosiologi kepada filem. Mereka menganjurkan untuk mengkaji dinamik sosial melalui lensa analisis filem, menegaskan bahawa filem berfungsi sebagai cermin dan pembentuk budaya. Mereka mencadangkan bahawa ahli sosiologi harus mengenal pasti dan memberi contoh konsep teori utama, seperti teori konflik, teori fungsionalis, atau interaksionisme simbolik, dengan itu memudahkan pengajaran sosiologi melalui medium pawagam. Jonas (2019) menyimpulkan bahawa pendekatan sosiologi membantu dalam menentukan sejauh mana filem menggunakan hegemoni ke atas masyarakat dengan membekalkan corak yang mantap, asas, dan makna, nilai moral dan menyokong ideologi yang meminggirkan atau mengecualikan sudut pandangan yang bertentangan. Oleh itu, apabila membincangkan berkenaan perspektif sosiologi berdasarkan filem, hendaklah ditekankan bahawa apa yang dibincangkan adalah analisis dan pemahaman berdasarkan "dimensi sosial" karya seni tersebut dan bukannya "peruntukan estetik."

## **TEORI SOSIOLOGI BERDASARKAN DRAMA GADIS KRETEK (2023)**

### **(1) TEORI FEMINIS**

Budig dan Jones (2008) menyatakan bahawa teori feminis bersifat pelbagai dan setiap teori di bawah sub-bidang ini menganalisis pengalaman wanita dalam subordinasi jantina, punca penindasan wanita, bagaimana ketidaksetaraan jantina diteruskan, dan menawarkan remedi yang berbeza untuk ketidaksetaraan jantina. Struktur kuasa dan konvensyen sosial yang membentuk peranan dan hubungan jantina dianalisis oleh ahli teori feminis, bersama-sama dengan kesan dinamik ini terhadap masyarakat secara amnya. Teori feminis menawarkan rangka kerja untuk memikirkan dan mentafsir peranan jantina. Pendekatan ini mengkaji kepelbagaian pengalaman manusia melalui prisma politik seperti patriarki yang mengutamakan analisis berasaskan jantina sebagai salah satu kanta analisis utama.

Gadis Kretek memberikan persepsi dan sudut pandangan terhadap isu-isu berkaitan feminisme. Kisah Gadis Kretek berlaku pada zaman di mana patriarki merupakan satu norma. Kilang rokok yang dinyatakan dalam drama ini mempunyai sejumlah bilangan pekerja lelaki yang ramai, dan pekerja-pekerja tersebut mendominasi jawatan dan organisasi dalam kilang tersebut. Situasi ini dapat dikaitkan dengan teori feminisme, dengan mengintegrasikan persona Dasiyah atau Jeng Yah, protagonis drama yang berani dan cuba sedaya upaya untuk menghadapi cabaran patriarki dalam organisasi kilang rokok bapanya. Drama ini meneroka dan menumpukan perhatian kepada tema-tema berunsur feminisme seperti pemerksaan wanita, penentuan nasib dan masa hadapan sebagai seorang wanita dan perjuangan berterusan untuk menghapuskan patriarki. Gadis Kretek dapat dijadikan sebagai satu forum wacana bagi feminis. Hal ini demikian kerana, kebanyakan wanita pada masa ini dapat berhubung dan mengaitkan pengalaman mereka tersendiri melalui naratif dan pengalaman Dasiyah dalam menghadapi realiti kompleks sebagai seorang wanita dalam masyarakat yang dibentuk oleh kepercayaan konservatif dan dinamik perubahan hubungan antara gender.

## **(2) TEORI KONFLIK**

Menurut Page dan Frederick (2014), teori konflik memberi tumpuan kepada perbezaan kuasa antara individu atau kumpulan sosial. Teori ini mula berkembang berdasarkan pandangan dan perspektif falsafah yang dibangunkan ahli falsafah terkenal seperti oleh Niccolo Machiavelli, Thomas Hobbes, dan Karl Marx, dan menekankan ideologi bahawa manusia akan mengalami pergelutan (konflik) apabila bersaing untuk mendapatkan sumber dan kuasa. Teori konflik mengkaji bagaimana struktur dan tingkah laku sosial menyumbang kepada ketidaksamaan yang berterusan. Ia menyerlahkan bagaimana pergolakan dan transformasi sosial diperlukan untuk menghadapi dan mengubah sistem sedia ada dan membina masyarakat yang lebih adil. Arditya (2023) juga berpendapat bahawa teori konflik adalah teori yang berpandangan bahawa perubahan sosial tidak berlaku melalui proses penyesuaian nilai, tetapi berlaku akibat konflik yang mengakibatkan kompromi yang berbeza daripada keadaan asal. Teori konflik lahir sebagai antitesis teori fungsional struktur yang melihat kepentingan ketenteraman dalam masyarakat.

Teori konflik dapat dikaitkan dengan keseluruhan tema yang dinyatakan dalam drama *Gadis Kretek*, di mana ia menerangkan tentang hubungan antara setiap karakter, penyalahgunaan kuasa dan ketidaksamaan sosial yang menjadi asas kepada budaya Indonesia ketika itu. Sebagai contoh, perbezaan ketara yang wujud antara golongan elit mewah dan golongan pekerja yang tertindas, terutamanya apabila berlaku pergolakan politik, merupakan salah satu fenomena yang dapat dikaitkan dengan teori konflik, di mana berlakunya konflik antara kelas sosial yang berbeza. Konflik ini juga menjadi kepada punca utama kepada perhalangan kisah cinta antara Raja dan Dasiyah, kerana bapa Dasiyah menghalang beliau untuk menjalankan hubungan bersama Raja kerana taraf kelas sosial Raja. Selain daripada itu, drama ini mendedahkan eksploitasi ekonomi dan ketidaksamaan yang dialami oleh Dasiyah di kilang rokok bapanya, yang ketika itu sedang memacu industri rokok atau tembakau secara luas. Kisah ini dapat dijadikan sebagai contoh yang mengharukan tentang perjuangan antara buruh dan pengeluar, dengan mendedahkan keadaan kerja yang tidak memberangsangkan akibat persekitaran dan eksploitasi yang dihadapi oleh golongan pekerja ditindas, manakala kemewahan dan kesenangan hanya dapat dinikmati oleh golongan elit yang kaya. Tambahan pula, *Gadis Kretek* juga mengkaji konflik berkaitan dengan jantina, di mana Dasiyah mencabar konvensyen patriarki dan hierarki dalam kilang bapanya yang memandang rendah padanya. Drama ini menyampaikan ketidakadilan sistemik, dengan menawarkan ulasan mendalam tentang ketidaksamaan yang berakar umbi dalam struktur masyarakat.

## **(3) TEORI FUNGSIONALISME**

Perspektif fungsionalis, juga dipanggil fungsionalisme, adalah salah satu perspektif teori utama dalam sosiologi. Ia mempunyai asal-usulnya dalam karya Emile Durkheim (1858), bapa sosiologi yang berminat mengkaji bagaimana ketenteraman sosial mungkin atau bagaimana masyarakat kekal stabil. Fungsionalisme ialah perspektif teori yang memfokuskan kepada fungsi yang dilakukan dalam masyarakat oleh struktur sosial seperti institusi, hierarki, dan norma. Dalam teori ini, fungsi merujuk kepada sejauh mana aktiviti tertentu menggalakkan atau mengganggu penyelenggaraan sistem (Gómez-Diago, 2019).



Salah satu contoh utama teori fungsionalisme yang dapat dilihat dalam drama Gadis Kretek adalah peranan kritikalnya dalam mempromosikan identiti dan kesepaduan sosial. Gabungan tembakau dan cengkih rokok yang unik adalah lebih daripada sekadar produk atau hasil jualan. Ianya telah dijadikan sebagai salah satu objek atau simbolisme dalam budaya Indonesia ketika itu dan ianya tidak dapat dipisahkan dengan pembentukan masyarakat Indonesia. Hubungan sosial dapat diperkukuh dan semangat kekitaan yang kuat dapat dikongsi bersama orang ramai melalui pembuatan rokok, dan perkara ini telah menjadi satu kepentingan budaya. Dari segi ekonomi pula, industri rokok juga telah membantu dan menyokong kestabilan ekonomi serantau dengan ketara. Secara ringkas, industri rokok telah berfungsi sebagai sebuah amalan budaya dan kuasa ekonomi. Drama ini menyerlahkan manfaat dan kepentingan barangan yang dianggap sebagai sebahagian daripada budaya terhadap kestabilan umum dan perpaduan masyarakat dengan memberi penerangan secara kompleks mengenai hubungan signifikan antara rokok dengan masyarakat.

#### **(4) TEORI EVOLUSI**

Teori evolusi mencadangkan bahawa semua spesies organisma timbul dan berkembang melalui proses semula jadi variasi, pemilihan, dan penyesuaian. Evolusi sosial dan kajian masyarakat manusia dalam kerangka prinsip evolusi adalah antara kaedah di mana sosiologi dan teori evolusi dapat dihubungkan, iaitu berdasarkan Social Darwinism. Raymond (2000) menyatakan bahawa kajian dan aplikasi pelbagai teori pseudosainifik dan amalan sosial, yang sebahagian besarnya ditakrifkan oleh ahli akademik di Eropah Barat dan Amerika Utara pada tahun 1870-an, yang mendakwa menggunakan konsep biologi pemilihan semula jadi dan survival yang paling sesuai untuk sosiologi, ekonomi, dan politik adalah dikenali sebagai darwinisme sosial. Ia adalah kepercayaan bahawa persaingan antara individu dan kumpulan menjadikan masyarakat lebih baik, dan mereka yang paling kuat atau paling berjaya layak untuk bertanggungjawab.

Evolusi industri rokok dan jenama Gadis Kretek dapat dikaitkan dengan teori evolusi. Sama seperti evolusi biologi, di mana organisma menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka untuk terus hidup dan berkembang maju, industri rokok telah mengalami perubahan dan penyesuaian dari semasa ke semasa untuk kekal berdaya saing dan memenuhi permintaan pengguna dan keperluan kawal selia. Peralihan daripada rokok gulung tangan tradisional kepada yang dihasilkan oleh mesin moden mencerminkan satu bentuk penyesuaian kepada kemajuan teknologi, membolehkan kaedah pengeluaran yang lebih cekap dan kos efektif. Begitu juga, evolusi resipi dan jenama rokok untuk memenuhi pilihan pengguna yang berubah-ubah dan persekitaran undang-undang menunjukkan proses penyesuaian dan pemilihan, di mana hanya ciri-ciri tersebut (dalam kes ini, jenama dan produk) yang sesuai dengan keadaan yang berubah-ubah bertahan dan makmur. Selain itu, gabungan jenama Gadis Kretek dengan identiti Indonesia menggambarkan bagaimana pengaruh budaya boleh membentuk evolusi produk dan jenama. Dengan menyelaraskan dengan nilai dan keutamaan budaya Indonesia, jenama itu menyesuaikan diri dengan konteks budaya, meningkatkan peluang kejayaan dan umur panjang dalam pasaran.

## KESIMPULAN

Menonton drama atau filem boleh menjadi salah satu kaedah yang terbaik untuk mendapatkan cerapan dan pemahaman mengenai sesuatu fenomena sosial. Ahli sosiologi harus mempunyai fikiran terbuka dan melangkaui sumber pendidikan tradisional seperti buku dan kursus dalam talian untuk memahami dan mempelajari sesuatu perkara atau situasi dengan lebih mendalam. Hal ini demikian kerana, kaedah tersebut dapat membantu ahli sosiologi untuk mendalami kefahaman mereka tentang sesuatu persekitaran atau prosedur masyarakat dengan minda terbuka dan meluaskan lagi pengetahuan sedia ada mereka melalui pemikiran secara kritis (*critical thinking*) dengan melibatkan penggunaan kedua-dua media konvensional dan memberi perhatian kepada persekitaran. Pendekatan pemerhatian ini dapat memberikan sumbangan besar dalam perolehan pengetahuan yang berwawasan, dan membolehkan pengetahuan secara luas dan mendalam serta kajian tentang pelbagai jenis fenomena sosial dari zaman dahulu sehingga kini. Kaedah ini menekankan betapa pentingnya untuk meluaskan sumber pengetahuan kita dalam sosiologi, dengan menganalisis kerumitan hubungan dan dinamik sosial serta kebolehan kita sebagai manusia untuk mengakses pengetahuan di luar tetapan pendidikan konvensional.

Gadis Kretek merupakan satu drama yang menggabungkan idea-idea sosiologi dan sejarah ke dalam cerita yang mempunyai naratif plot yang mampu menarik minat masyarakat secara keseluruhan. Drama ini berjaya mengatasi penceritaan tradisional dan sebaliknya menyampaikan kisah sejarah terdahulu yang dapat menghiburkan dan mendidik khalayak tentang nuansa dinamik masyarakat. Melalui gabungan bijak kedua-dua bidang ini, Gadis Kretek membantu penonton untuk merangsang pemikiran masa lalu dan masa kini secara kritikal dengan cara yang mudah, iaitu menonton televisyen. Drama ini juga telah refleksi berkaitan interaksi kompleks yang wujud antara seseorang individu serta realiti struktur masyarakat.



## RUJUKAN

- Ratih Kumala. 2012. *Gadis Kretek*. Gramedia Pustaka Utama. ISBN 978-979-22-8141-5
- Stewart, Jim & Harte, Victoria & Sambrook, Sally. 2011. What is theory?. *Journal of European Industrial Training*. 35. 221-229. 10.1108/03090591111120386.
- Sutton, R. I., & Staw, B. M. 1995. What Theory Is Not. *Administrative Science Quarterly*, 40, 371-384. <https://doi.org/10.2307/2393788>
- Doffana, Zerihun. 2005. *Introduction to Sociology: Lecture Notes*. 10.13140/2.1.4222.0809.
- Indrani, T.K. 1998. *Textbook of Sociology for Nurses*. New Delhi: Jaypee Brother
- Itulua-Abumere, Flourish. 2014. *What is sociology?*. 10.13140/2.1.3537.6003.
- Subedi, Madhusudan. 2007. *Anthropology or Sociology: Realities and Challenges*. SASS Journal. 2. 1-15.
- Scriven, M. & Paul, R. 1987. Defining Critical Thinking. *8th Annual International Conference on Critical Thinking and Education Reform*. <http://www.criticalthinking.org/pages/defining-critical-thinking/766>
- Grauerholz, Liz & Bouma-Holtrop, Sharon. 2003. Exploring Critical Sociological Thinking. *Teaching Sociology*. 31. 485. 10.2307/3211372.
- Sutherland, J. A., & Feltey, K. 2013. *Cinematic sociology: Social life in film (Second ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- do Nascimento, Jonas. 2019. *Art, Cinema and Society: Sociological Perspectives*. 19. 19-28. 10.34257/GJH
- Budig, Michelle & Jones, Katherine. 2008. *Feminist Theory*. SS.
- Paige, S., & Frederick, D. A. 2015. Conflict theory. In L. Ganong (Ed.), *The social history of the American family* (pp. 272-273). Los Angeles: SAGE Publishers.
- Prayogi, A. 2023. Social Change in Conflict Theory: A Descriptive Study. *ARRUS Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(1), 37-42. <https://doi.org/10.35877/soshum1652>
- Gómez-Diago, Gloria. 2019. *Functionalist theory*. 10.4135/9781483375519.n260.
- Williams, Raymond. 2000. Social Darwinism. In John Offer (ed.). *Herbert Spencer: Critical Assessment*. London; New York: Routledge. pp. 186–199. [ISBN 9780415181846](https://doi.org/10.1080/0047251001000161846).

Dania Arissa Muhamad Zaharin  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK)  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
E-Mail: [niamuhdzaharin@gmail.com](mailto:niamuhdzaharin@gmail.com)